

BAHASA MELAYU PSLE

Dengan Kerjasama



Yayasan MENDAKI
In Quest of Excellence



FORMAT PEPERIKSAAN

Peperiksaan PSLE

Jadual Pengkhususan Bahasa Melayu

| Kertas (Masa) | Komponen | Jenis Item | Bil Item | Timbangan (Markah) | Penerangan | |
|-------------------------------|---|---------------|----------------|--------------------|--|---|
| 1 (50 min) | KARANGAN 1 Karangan Berdasarkan Topik 2 Karangan Berdasarkan Gambar | Respons Bebas | 2 (Jawab 1) | 20% (40) | Karangan has sekurang-kurangnya 150 patah perkataan. Calon dikehendaki menulis karangan berdasarkan topik yang diberikan. Calon dikehendaki menulis karangan berdasarkan gambar bersiri yang diberikan. | |
| | | | | | | |
| 2 (1 Jam 40 min) BUKU A | PENGGUNAAN BAHASA DAN KEFAHAMAN Bahagian A 1 Imbuan | MCQ | 41 | 45% (90) | Calon dikehendaki melengkapkan teks dengan perkataan berimbuan yang sesuai. | |
| | | | | | 2 Peribahasa | Calon dikehendaki memadankan makna peribahasa dengan peribahasa yang digunakan dalam teks atau memadankan peribahasa dengan makna peribahasa yang diberikan dalam teks. |
| 3 (10 min) | Lisan dan Kefahaman Mendengar Lisan | MCQ | 8 | 8% (16) | Calon dikehendaki membaca dan memahami satu petikan karangan serta menjawab soalan pelbagai aras pemikiran. Calon dikehendaki meneliti dan memahami rangsangan grafik seperti brosur, iklan dan sebagainya serta menjawab soalan berdasarkan rangsangan yang diberikan. | |
| | | | | | 1 Bacaan Lantang | Calon dikehendaki membaca petikan karangan yang diberikan dengan lantang (yang telah dibacanya secara senyap terlebih dahulu) dengan menggunakan sebutan baku. |
| | | | | | 2 Penerangan Berdasarkan Gambar | Calon dikehendaki menerangkan beberapa perkara yang dilihatnya dalam gambar yang telah ditanyanya terlebih dahulu dan memberikan respons peribadinya terhadap beberapa perkara yang terdapat dalam gambar tersebut. |
| (Lebih kurang 30 min) | 3 Perbualan Berkaitan dengan gambar | MCQ | 10 | 10% (20) | Calon dikehendaki berbual dengan pemeriksa mengenai topik yang berkaitan dengan gambar yang diberikan dalam penerangan berdasarkan gambar. Calon dikehendaki mendengar dan memahami rakaman yang diperdengarkan serta menjawab soalan. | |
| | | | | | | |

FIB : Mengisi Tempat Kosong
MCQ: Item Aneka Pilihan

Kertas 2 (90 markah)

Kertas 2 atau 'Kertas Bahasa', terbahagi kepada dua buku, iaitu Buku A dan Buku B

Buku A/Bahagian A (46 markah)

Menguji penguasaan bahasa dan kefahaman Terdapat tiga komponen bahasa yang diuji

- Imbuan
- Peribahasa
- Kefahaman 1 (2 petikan, termasuk rangsangan grafik dan item-item kososa kata)

Bahagian A mengandungi 23 soalan MCQ dan para calon akan menggunakan OAS (Optical Answer Sheet).

MCQ – Item Aneka Pilihan

| | Bahagian Kertas dan Format | Fokus Pembelajaran |
|---|--|---|
| 1 | Imbuan (20 markah) • MCQ • 10 item | Ketahui penggunaan imbuan-imbuan seperti berikut: Awalan beR- meN- teR- se- di- ke- peN- peR- Akhiran -an -i -kan Apitan beR-...-an beR-...-kan ke-...-an meN-...-i meN-...-kan memper-...-i memper-...-kan peN-...-an peR-...-an |
| 2 | Peribahasa (10 markah) • MCQ • 5 item | ➢ Dapatkan senarai peribahasa terkini (daripada Kementerian Pendidikan) ➢ Setiap sekolah telah diberi senarai ini bagi peringkat darjah 3 hingga darjah 6 ➢ Fahami makna dan penggunaan setiap peribahasa yang disenaraikan |
| 3 | Kefahaman Objektif (8 markah) • MCQ • 4 item | ➢ Memahami teks yang dibaca dan menjawab soalan-soalan mcq mengenai teks tersebut |
| 4 | Rangsangan Grafik (8 markah) • MCQ • 4 item | ➢ Memahami informasi yang dipaparkan pada sebuah gambar (biasanya iklan) |

Buku B/Bahagian B (44 markah)

- Golongan Kata
- Frasa
- Kefahaman 2 Respons bebas (1 petikan)

Jawapan bagi Bahagian B akan ditulis pada kertas soalan itu sendiri. Di bawah ini merupakan panduan bagi membuat persiapan untuk menjawab soalan-soalan bagi setiap segmen dalam kedua-dua bahagian kertas.

| | Bahagian Kertas dan Format | Fokus Pembelajaran | | | | |
|------------|---|---|-----------|------------|------------|---------------|
| | Golongan Kata (16 markah) ➢ FIB atau 'isi tempat kosong' ➢ 8 item | Ketahui penggunaan perkataan-perkataan daripada golongan kata yang berikut: <table border="1"><tr><td>kata nama</td><td>kata kerja</td></tr><tr><td>kata tugas</td><td>kata adjektif</td></tr></table> | kata nama | kata kerja | kata tugas | kata adjektif |
| kata nama | kata kerja | | | | | |
| kata tugas | kata adjektif | | | | | |
| | (Menyusun) Frasa (8 markah) ➢ FIB ➢ 4 item | • Menempatkan frasa pada tempat yang sesuai dalam sebuah petikan karangan | | | | |
| | Kefahaman Subjektif (20 markah) ➢ OE ➢ 6 item | ➢ Biasanya, dua soalan mengandungi 2 markah manakala tiga lagi soalan mengandungi 4 markah. Soalan terakhir merupakan soalan kososa kata di mana makna perkataan atau frasa menjadi jawapan yang dicari ➢ Soalan yang mengandungi 3 hingga 4 markah perlu dijawab dengan dua fakta atau jawapan. ➢ Kenalpasti fakta-fakta itu dengan pena highlighter ➢ Gabung dua fakta tersebut dalam satu ayat yang dibina dengan gramatis . (Sila lihat panduan di bawah) | | | | |

FIB – Mengisi Tempat Kosong
OE – Open-Ended

Kefahaman Subjektif (Open-Ended)

Panduan Menjawab Soalan Kefahaman Subjektif:

- Baca dan fahami petikan karangan dengan teliti

Bacaan pertama adalah untuk memahami idea utama seluruh petikan karangan. Bacaan kedua pula adalah untuk memahami setiap perenggan yang mungkin menerangkan satu kejadian (dalam karangan naratif) atau satu aspek perkara yang diterangkan (dalam karangan deskriptif)

- Baca dan fahami soalan dengan teliti.

- Gunakan pena highlighter untuk mengenalpasti dua jawapan atau sebab atau bukti yang diminta oleh soalan. Ini penting bagi memastikan calon mendapat empat markah penuh. Sekiranya calon memberikan hanya satu jawapan yang betul, markah yang didapati kelak hanyalah dua markah.

- Selain memberikan dua jawapan yang tepat, calon mestilah mengelakkan daripada membuat kesilapan tatabahasa dan ejaan yang boleh menyebabkan kehilangan markah sebanyak setengah hingga dua markah.

- Berikan jawapan anda dalam satu ayat yang lengkap dan betul tatabahasanya. Gunakan kata hubung sekiranya perlu.

Contoh 1:

Keadaan kesihatan Puan Azilah semakin teruk malam tadi selepas paru-parunya menunjukkan tanda-tanda jangkitan, sehingga para doktor dan anggota keluarganya berkejar ke hospital. Doktor Azman mengatakan bahawa kesihatan Puan Azilah semakin menurun. Doktor Azman yang telah lama merawat Puan Azilah, mendapati bahawa beliau tidak sedarkan diri sekitar jam lima petang dan menghadapi masalah bernafas. Doktor mengatakan bahawa keadaan beliau membimbangkan dan penjagaan rapi perlu dibuat.

Soalan:

Mengapakah doktor mengatakan keadaan Puan Azilah membimbangkan? (4 markah)

Jawapan:

Paru-paru Puan Azilah menunjukkan tanda-tanda jangkitan dan beliau tidak sedarkan diri sekitar jam lima petang serta menghadapi masalah bernafas.

Contoh 2:

Pendidikan jasmani dapat membantu pelajar-pelajar lelaki membina stamina yang kuat. Ini diharap akan dapat membantu mereka semasa menjalani perkhidmatan negara kelak.

Walau bagaimana pun, ada pelajar yang mengambil ringan terhadap pelajaran pendidikan jasmani. Mereka menganggap pelajaran pendidikan jasmani itu hanyalah membuang masa sahaja. Ada juga yang kerap membuat alasan agar mereka tidak perlu menyertai kegiatan-kegiatan yang dijalankan. Pengecualian hanya diberikan kepada mereka yang cacat anggota, atau yang berpenyakit.

Bagi mencapai tujuan-tujuan pendidikan jasmani, pemerintah telah membelanjakan berjuta-juta dolar. **Semua sekolah rendah dan menengah di Singapura dilengkapi dengan peralatan sukan.**

Di samping itu, guru-guru yang mengajar pendidikan jasmani **diberi latihan yang secukupnya agar pelajaran ini dapat dilaksanakan dengan lebih sempurna** dan mendatangkan manfaat. Dengan ini, tujuan untuk membentuk kecergasan tubuh dan kecerdasan minda pelajar akan tercapai.

Soalan:

Terangkan **dua** tindakan pemerintah untuk mencapai matlamatnya dalam pelajaran pendidikan jasmani. (4 markah)

Jawapan:

Untuk mencapai matlamatnya dalam pelajaran pendidikan jasmani, pemerintah telah melengkapi semua sekolah rendah dan menengah dengan peralatan sukan dan memberikan latihan yang secukupnya kepada guru-guru yang mengajar pendidikan jasmani agar pelajaran ini dapat dilaksanakan dengan lebih sempurna.

• LATIHAN

Buat latihan 1 dan 2 dengan jawapan dan ayat anda sendiri. Kemudian, bandingkan jawapan anda dengan contoh jawapan yang diberikan.

Latihan 1:

Aziz sudah lama bercita-cita untuk melanjutkan pelajarannya di Kolej Berkeley. Dengan menjadi seorang pemuzik yang bertauliah dan berkelulusan tinggi, dia mampu menuju ke puncak kejayaan. Kini, dengan hanya berbekalkan diploma dalam bidang muzik, Aziz sudahpun mengikrarkan namanya di persada muzik tempatan. Buat beberapa kali, dia sudah memenangi pertandingan-pertandingan mencipta lagu dan persembahan kugiran.

Namun, ada cabaran yang perlu diatasi oleh Aziz sebelum dia berangkat ke Berkeley. Dia perlu mengumpulkan wang yang banyak untuk membiayai pengajiannya di Kolej Berkeley di California. Malah, dia mungkin memerlukan penaja atau biasiswa. Dia juga berasa runsing apabila memikirkan keadaan ibunya yang sakit. Siapakah yang akan menaja ibunya sekiranya dia meninggalkan Singapura untuk ke Berkeley?

Aziz tidak sanggup meninggalkan ibunya yang telah banyak berjasa kepadanya. Dialah satu-satunya anak kepada ibunya. Ayahnya pula sudah tiga tahun meninggal dunia. Kalaulah ibunya sihat, dia tidak keberatan membawa ibunya bersama ke California.

Soalan:

Apakah cabaran-cabaran yang dihadapi oleh Aziz ketika dia hendak meneruskan pengajiannya? (4 markah)

Latihan 2:

High Frequency Active Auroral Research Program atau HAARP ialah sebuah kajian eksperimental yang dilaksanakan oleh Universiti Alaska. Program yang diluluskan oleh Kongres Amerika dan disokong oleh tentera laut dan tentera darat negara itu, dilancarkan dengan tujuan menganalisis lapisan ionosfera bagi mempertingkatkan teknologi perhubungan tentera yang bergantung kepada gelombang elektromagnet dan lapisan ionosfera.

HAARP mempunyai rangkaian 180 antena di atas tanah seluas 14 hektar dan dapat menghalakan gelombang tenaga radio yang berfrekuensi amat rendah ke arah lapisan ionosfera. Selanjutnya, lapisan ionosfera akan memantulkan gelombang elektromagnet tersebut kembali ke kawasan bumi yang disasarkan. Kesannya dapat dianalisis oleh para pengkaji untuk mengetahui jenis kekayaan (iaitu minyak, logam dan sebagainya) yang terdapat dalam perut bumi di kawasan itu.

Kebelakangan ini, HAARP menghadapi pelbagai tuduhan. HAARP dikatakan menyebabkan perubahan cuaca secara mendadak termasuk ribut taufan akibat penggunaan teknologi yang dipelopornya. Lebih dahsyat lagi, HAARP dikatakan dapat menyebabkan berlakunya gempa bumi sekiranya sinaran gelombang elektromagnet itu dihalakan ke arah plat tektonik bumi pada frekuensi yang boleh mencetuskan gegaran.

Buku yang bertajuk *Angels Don't Play This* HAARP karya Dr. Nick Begich dan Jeanne Manning telah menyenaraikan kesan-kesan buruk yang dikesan di merata dunia yang dipercayai akibat pelaksanaan program HAARP.

Soalan:

Apakah **dua** jenis malapetaka yang dipercayai disebabkan oleh program HAARP? (4 markah)

Contoh Jawapan bagi Soalan Latihan Kefahaman:

Soalan Latihan 1:

Apakah cabaran-cabaran yang dihadapi oleh Aziz ketika dia hendak meneruskan pengajiannya? (4 markah)

Butiran daripada petikan karangan:

- (i) memerlukan wang yang banyak untuk membiayai pengajiannya dan juga kehidupannya di California.
- (ii) ibunya sakit dan Aziz tidak sanggup meninggalkannya

Jawapan penuh:

Aziz memerlukan wang yang banyak untuk membiayai pengajiannya dan juga kehidupannya di California. Aziz juga tidak sanggup meninggalkan ibunya yang sedang sakit.

Soalan Latihan 2:

Apakah **dua** jenis malapetaka yang dipercayai disebabkan oleh program HAARP? (4 markah)

Butiran daripada petikan karangan:

- (i) perubahan cuaca secara mendadak termasuk ribut taufan
- (ii) gempa bumi

Jawapan penuh:

Dua jenis malapetaka yang dipercayai disebabkan oleh program HAARP ialah perubahan cuaca secara mendadak termasuk ribut taufan dan gempa bumi.

Contoh Soalan Kertas 2 / Bahagian 2

GOLONGAN KATA (16 markah)

Arahan: Isi setiap tempat kosong dalam petikan karangan di bawah ini dengan sepeatah perkataan yang paling sesuai mengikut konteks. Kemudian, tulis jawapan kamu itu di tempat kosong yang disediakan.

| | | |
|---------|------------|-------------|
| atau | berbeza | gementar |
| diam | gamam | menyebarkan |
| kami | kesembilan | untuk |
| sanggup | seronok | bertemu |

Selalunya golongan remaja lebih senang bersantai pada hujung minggu. Namun, keadaannya (24) _____ bagi dua pelajar menengah satu Madrasah Al-Arabiah Al-Islamiah, Nurqurratua'yun M. A. Wahab dan Basrah Bee Shaik Hussain. Kedua-duanya, 13 tahun, (25) _____ bangun awal pagi untuk menyertai program (26) _____ mesej dan pemahaman tentang bulan Ramadan kepada penduduk sekitar kawasan Masjid Al-Khair, yang terletak di Teck Whye Crescent.

"Daripada (27) _____ buang masa pada hujung minggu dengan lungsur Internet (28) _____ lepak, lebih baik kami buat kerja sukarela sebegini," ujar Basrah Bee. Nurqurratua'yun pula berkata bahawa dia berasa (29) _____ melakukan kerja-kerja sukarela kerana berpeluang (30) _____ dan berbual dengan masyarakat berbilang bangsa.

Tahun ini merupakan tahun (31) _____ Masjid Al-Khair menganjurkan program itu. Namun, inilah kali pertama ia bekerjasama dengan Madrasah Al-Arabiah.

Jawapan bagi Golongan Kata:

- Soalan 24 : berbeza
Soalan 25: sanggup
Soalan 26: menyebarkan
Soalan 27: kami
Soalan 28: atau
Soalan 29: seronok
Soalan 30: bertemu
Soalan 31: kesembilan

FRASA (8 markah)

Arahan: Isi setiap tempat kosong dalam dialog di bawah ini dengan frasa yang paling sesuai mengikut konteks. Kemudian, tulis **angka jawapan** pilihan kamu itu di tempat kosong yang disediakan.

| |
|--|
| (1) berkongsi pengalamannya dengan dunia |
| (2) negara-negara berkenaan juga dapat membantu |
| (3) menjalin hubungan diplomatik bagi menggalakkan hubungan persahabatan |
| (4) di kemudian musim panas pemimpin penganut Katolik itu |
| (5) kuasa-kuasa tidak rasional dan perbalahan mengancam kestabilan |
| (6) Perdana Menteri tidak dapat melupakan insiden yang lucu itu |

ROM 18 Julai – Malaysia dan kerajaan Vatican bersetuju (32) _____ dan mengukuhkan kerjasama antarabangsa.

Pengumuman itu dibuat ekoran pertemuan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak dan Pope Benedict XVI di Castel Gandolfo, (33) _____, di pinggir Rom hari ini.

Menyatakan dunia "berada di persimpangan", Najib berkata, Malaysia mahu (34) _____, dan sebab itu Malaysia komited untuk menjalin hubungan dengan negara yang sehaluan dalam menggalakkan dunia yang aman dan harmoni. "Inilah sebab utama kenapa Malaysia menjalin hubungan diplomatik dengan Vatican."

"Dunia berada di persimpangan, (35) _____ yang sekian lama kita nikmati dan perjuangkan dan pertahankan selama ini, dan kemakmuran," kata Najib dalam kenyataan yang dikeluarkan selepas pertemuan itu. – Bernama

Jawapan bagi Frasa:

- Soalan 32: (3) menjalin hubungan diplomatik bagi menggalakkan hubungan persahabatan
Soalan 33: (4) di kemudian musim panas pemimpin penganut Katolik itu
Soalan 34: (1) berkongsi pengalamannya dengan dunia
Soalan 35: (5) kuasa-kuasa tidak rasional dan perbalahan mengancam kestabilan

Kefahaman Subjektif (Open-Ended) SOALAN 37 – SOALAN 43 (20 MARKAH)

ARAHAN : Baca petikan karangan di bawah ini dengan teliti. Kemudian, jawab soalan yang mengikutinya.

Angin menderu-deru masuk melalui celah-celah dinding pondok usang itu. Mak Jah menggigil kerana kesejukan lantasan mengambil sehelai kain batik yang sudah lusuh untuk menyelimuti tubuh kurusnya. Semakin kuat angin bertipu, semakin kuat Mak Jah menarik kain batinya. Mak Jah menggosok-gosok jari-jemariannya. Api lilin terliuk-liuk ditup angin menyebabkan ruang pondoknya sekejap terang, sekejap suram.

Sudah berjam-jam Mak Jah berusaha untuk tidur, namun tidak berjaya. Fikirannya runsing mengenangkan suaminya, Pak Din. Sejak awal pagi tadi dia sudah turun ke laut. Biasanya, dia akan pulang menjelang senja. Hari sudah larut malam namun Pak Din belum pulang lagi. Mak Jah semakin gusar kerana teman-teman yang sama-sama menjala bersama Pak Din sudah pulang ke rumah masing-masing. Makanan kegemaran Pak Din, bubur dan ikan bilis goreng, juga masih belum tersentuh. Secangkir kopi yang tadi panas sudah pun sejuk.

Mak Jah memberanikan dirinya membuka daun pintu pondoknya. Kesejukan angin malam menusuk-nusuk hingga ke tulangannya. Malam itu, langit tidak berbintang. Bulan terselindung di balik awan. Pasti hujan akan turun tidak lama lagi, bisik hati Mak Jah. Kata-kata Pak Din pagi tadi sebelum dia berangkat, terngiang-ngiang di benak Mak Jah.

"Aku nak pulang lewat hari ini. Aku nak tangkap ikan banyak-banyak untuk dijual. Duit itu bolehlah kita gunakan untuk membeli pakaian baharu dan keperluan dapur. Cuti sekolah akan tiba tidak lama lagi. Kita perlu buat persiapan untuk menyambut kedatangan anak, menantu dan cucu-cucu kita."

Tiba-tiba Mak Jah tersentak daripada lamunan. Hujan turun dengan lebatnya. Mak Jah segera menutup pintu pondoknya. Keadaan semakin dingin tetapi Mak Jah masih setia menanti kepulangan suami tersayang.

ARAHAN : Berdasarkan petikan karangan di atas, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat kamu sendiri. Kemudian tulis jawapan kamu itu dalam tempat kosong yang disediakan.

36. Apakah pekerjaan Pak Din? (2 markah)

37. Berikan satu alamat hujan akan turun. (2 markah)

38. Berikan dua sebab mengapa Mak Jah amat risau. (4 markah)

39. Mak Jah amat menyayangi suaminya, Pak Din. Buktikan. (4 markah)

40. Pak Din seorang suami yang bertanggungjawab dan penyayang. Jelaskan. (4 markah)

41(a). Berdasarkan petikan karangan di atas, berikan maksud perkataan-perkataan yang berikut dengan menggunakan tidak lebih daripada lima patah perkataan.

- (i) usang (1 markah)
- (ii) menggigil (1 markah)
- (iii) terselindung (1 markah)

Satu perkataan dalam petikan yang bermaksud **sedikit gelap** ialah _____. (1 markah)

Jawapan bagi Kefahaman Subjektif:

| | |
|-------|--|
| 36 | Pak Din bekerja sebagai nelayan. |
| 37 | Hujan akan turun kerana langit tidak berbintang ATAU Hujan akan turun kerana bulan terselindung di balik awan |
| 38 | Mak Jah amat risau kerana Pak Din yang biasanya pulang menjelang senja belum pulang lagi walaupun hari sudah larut malam dan teman-teman yang sama-sama menjala bersama Pak Din sudah pulang ke rumah masing-masing. |
| 39 | Dua bukti bahawa Mak Jah amat menyayangi suaminya ialah perbuatan Mak Jah menyediakan makanan kegemaran Pak Din, iaitu bubur dan ikan bilis goreng dan secangkir kopi panas serta perasaan Mak Jah yang risau kerana suaminya belum pulang-pulang. |
| 40 | Pak Din seorang suami yang bertanggungjawab dan penyayang kerana dia ingin menangkap ikan yang banyak untuk dijual supaya keluarganya dapat membeli pakaian baharu dan keperluan dapur dan membuat persiapan untuk menyambut kedatangan anak, menantu dan cucu-cucunya menjelang cuti sekolah nanti. |
| 41(a) | (a)(i) sudah lama atau buruk (a)(ii) menggelejar; keadaan badan yang kesejukan (a)(iii) terselindung di sebalik sesuatu |
| 41(b) | suram |

SELESAI

Lungsurilah laman www.mendaki.org.sg untuk melihat video Matematik PSLE online dan contoh kertas peperiksaan ini.